

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 7

RUANGAN : COVID-19

INDIVIDU TIDAK SESUAI DIVAKSIN COVID-19 JENIS COMIRNATY



Individu mempunyai sejarah alahan/ alergi yang serius (contoh anafilaksis) terhadap makanan, ubat dan persekitaran sehingga memerlukan rawatan hospital



Individu mengalami alahan atau alergi serius selepas menerima dos pertama



Individu menjalani transplan organ atau sel stem darah dalam masa tiga bulan sebelum divaksinasi



Individu menjalani rawatan kanser seperti kemoterapi, radioterapi, imunoterapi



Individu menghidap HIV dengan sel darah putih CD4 <200 cells/mL



Ibu mengandung atau merancang untuk hamil



Individu sedang demam disebabkan jangkitan virus atau bakteria



Individu menerima rawatan antibodi monoclonal atau plasma darah sebagai rawatan untuk Covid-19 dalam tiga bulan sebelum divaksinasi



Individu mempunyai sel darah platelet yang rendah (<50,000 per microliter)

Sumber KKM

Ibu mengandung tunggu dahulu

Wanita menyusukan anak juga disaran tangguh pengambilan vaksin untuk elak kesan sampingan

Kuala Lumpur

Wanita mengandung serta yang menyusukan anak disaran menangguhkan pengambilan vaksin Covid-19 Pfizer-BioNTech bagi mengelak sebarang kesan sampingan yang mungkin wujud.

Pensyarah Perubatan Mikrobiologi Universiti Putra Malaysia Prof Madya Dr Niazlin Mohd Taib berkata, ini kerana buat masa ini belum ada bukti klinikal untuk menyokong penggunaan vaksin itu dalam kalangan golongan berkenaan.

"Ibu mengandung tidak boleh mengambil vaksin yang menggunakan *live virus* dan kalau ikutkan vaksin Pfizer-BioNTech ini tidak menggunakan *live virus*, tetapi ia menggunakan *messenger ribonucleic acid (mRNA)*.

"Jadi sepatutnya tiada masalah ibu mengandung dan yang menyusui bayi mengambil vaksin tersebut memandangkan ia mRNA.

"Namun kerana tiada data lagi termasuk daripada Pfizer sendiri, maka kalau bo-



berkemungkinan menyebabkan alahan.

"PEG sebenarnya diguna pakai dalam kehidupan seharian seperti dalam pengawet makanan dan minuman serta kadang-kadang ada dalam krim untuk kulit."

Dr Niazlin

leh tunggu dahulu," katanya dalam program Koresponden yang disiarkan secara langsung menerusi Bernama TV di sini, semalam.

Mengenai alahan yang mungkin wujud pada mereka yang menerima suntikan vaksin Covid-19, beliau berkata, orang ramai tidak usah khuatir jika tidak mempunyai apa-apa alahan terhadap kandungan di dalam vaksin tersebut.

Beliau berkata, vaksin Pfizer-BioNTech, selain mRNA sebagai kandungan aktif utama, ia juga mempunyai pelbagai bahan kimia yang tidak aktif termasuklah *polyethylene glycol (PEG)* yang

3,922 bakal disuntik vaksin

Kota Bharu: Seramai 3,922 pegawai dan anggota Polis Diraja Malaysia (PDRM) Kontinjen Kelantan akan menerima suntikan vaksin Covid-19 dalam masa terdekat.

Ketua Polis Kelantan, Datuk Shafien Mamat berkata, daripada jumlah itu, 1,430 menerima suntikan untuk fasa pertama dan selebihnya diberikan secara berperingkat.

"Pada 24 Februari ini pasukan kami mengiringi sejumlah vaksin Covid-19 diambil dari Pusat Penyimpanan di Subang Jaya untuk dibawa masuk ke negeri ini.

"Seterusnya vaksin digihkan ke 13 lokasi setiap Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) termasuk Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) dan suntikan ini termasuk kepada Pasukan Gerakan Am (PGA) serta Pasukan Polis Marin (PPM)," katanya.

Shafien berkata, untuk fasa pertama itu nanti, pihaknya akan cuba memberikan suntikan vaksin seberapa awal yang boleh selepas dibuat penyaluran bersama pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dalam masa terdekat.

Copenhagen: Pengarah Serantau Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) untuk Eropah Hans Kluge percaya pandemik Covid-19 akan berakhir pada awal 2022, lapor Agensi Berita Anadolu.

Covid-19 masih merebak pada 2021 namun ia akan lebih terkawal berbanding tahun lalu, kata kepada saluran penyiaran Denmark, DR pada Ahad.

Menyifatkan situasi terburuk kini berakhir, Kluge berkata, terdapat lebih banyak maklumat mengenai virus ini dibandingkan dengan 2020 ketika peringkat awal penularan.

Namun dia turut mengingatkan tiada sesiapa yang dapat mengetahui keadaan pandemik Covid-19 pada masa depan.

"Virus ini akan terus wujud, tapi saya berpendapat ia tidak lagi memerlukan sekatan. Ini mesej yang optimis," katanya.

Kluge berkata, mutasi adalah perkara biasa dan virus ini sedang menyesuaikan diri dengan individu dijangkiti dan yang menjadi kebimbangan ialah penula-

Pandemik dijangka berakhir awal 2022



KAKTANGAN kesihatan mengambil sampel calitan ke atas penumpang yang tiba dalam saringan Covid-19 yang dijalankan di sebuah terminal kereta api di Mumbai, India, semalam.

ran mutasi yang pantas.

Menurutnya, WHO memantau rapat keberkesanan vaksin Covid-19 yang dibangunkan untuk melawan jenis virus yang pantas merebak itu, katanya jika perlu vaksin dapat diubah berdasarkan mutasi baharu dan tidak perlu membangunkannya dari awal semula.

Beliau berkata, mutasi tidak akan menjadikan virus

itu tidak terkawal namun ia memberi lebih tekanan kepada negara-negara yang sistem penjagaan kesihatannya sudah di tahap sukar.

Masalah terbesar akan muncul apabila mereka yang sudah divaksin berada di kelompok sama dengan golongan tidak divaksin kerana itu faktor penjadualan memainkan peranan yang sangat penting, katanya.

Ipoh: Tidak timbul isu paksaan bagi pengambilan suntikan imunisasi vaksin Pfizer-BioNTech dalam kalangan warga Polis Diraja Malaysia (PDRM) di Perak.

Ketua Polis Perak Datuk Mior Faridalathrash Wahid (**gambar**) berkata, ia kerana pengambilan imunisasi terbabit perlu melalui beberapa peringkat termasuk penyediaan awal selain borang persetujuan yang perlu diisi dan ditandatangani.

Menurutnya, setakat ini tiada mana-mana daripada 10,924 pegawai dan anggota menolak untuk menerima suntikan vaksin terbabit selepas nama mereka tersenarai di peringkat awal.

"Setakat ini, tiada lagi masalah (mengenai penolakan untuk divaksin) memandangkan selain *consent* (persetujuan) diberi melalui aplikasi MySejahtera oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), *consent* melalui (borang) kertas juga akan diminta pada hari suntikan itu diterima.

"(Yang mana sebelum ini) kita hantar senarai nama semua *frontliner* (petugas ba-

Tiada paksaan ambil vaksin bagi warga PDRM di Perak



ajaran Malaysia (SPM) 2020 yang bermula semalam.

Hadir sama Timbalan Ketua Polis Perak Datuk Mazlan Santarai dan Ketua Jabatan Pencegahan Jenayah dan Keselamatan Komuniti Perak Senior Asisten Komisioner G S Suresh Kumar.

Menurut Mior Faridalathrash, pihaknya turut difahamkan hanya 33,000 individu dalam kalangan *frontliner* membabitkan pelbagai agensi yang akan menerima suntikan imunisasi itu bagi fasa pertama di Perak.

Katanya, vaksin akan mula dihantar ke Perak dari Pulau Pinang pada Rabu depan dan akan ditempatkan di empat hospital iaitu Hospital Raja Permaisuri Bainun (HRPB) di Ipoh, Hospital Teluk Intan, Hospital Taiping dan Hospital Angkatan Tentera Pangkalan Tentera Laut Diraja Malaysia, Lumut.